

## FAQIHAN DALAM MEMBINA GENERASI SOLAT

Dr Arifin Mamat<sup>1</sup> & Dr Shukeri Mohamad<sup>2</sup>

Solat merupakan salah satu ibadat yang wajib didirikan oleh setiap Muslim. Malah solat adalah merupakan ibadat amali yang pertama diwajibkan ke atas umat Islam. Kepentingan ibadat solat kepada Muslim dapat dilihat melalui beberapa sudut, antaranya penggunaan perkataan *aqama* yang bererti mendirikan. Begitu juga cara pensyariatannya yang berbentuk secara langsung daripada Allah S.W.T, iaitu semasa peristiwa Isra' dan Mi'raj. Perintah mendirikan solat juga mempunyai maqasid yang tersendiri. Solat adalah salah satu daripada perintah Allah untuk menjaga perkara *al-daruriyyat* iaitu menjaga agama dan sebagai tanda kepatuhan kepada perintah Allah. Oleh itu, melaksanakan perintah Allah untuk menjaga agama adalah objektif asal dalam pensyariatan solat. Manakala objektif sampingan ialah untuk mencegah daripada perkara keji dan mungkar. Ia juga sebagai satu aktiviti senaman yang boleh menyihatkan tubuh badan manusia. Justeru, sudah menjadi tanggungjawab untuk membentuk generasi solat. Generasi tersebut terbentuk melalui lima peringkat utama iaitu peringkat individu, keluarga, masyarakat, organisasi dan pemerintah. Bagi setiap peringkat tersebut disertakan indeks sebagai penanda aras yang bertujuan mengenalpasti tahap pencapaian yang dicapai. Misi membentuk generasi solat ini akan menjadi kenyataan dengan kerjasama semua pihak.

### **1- Pendahuluan**

Islam telah menjadikan solat sebagai amalan penting dalam kehidupan seorang Muslim. Ini dapat dilihat dengan jelas melalui wahyu kedua yang diturunkan kepada Nabi Muhammad S.A.W yang menyentuh mengenai solat.

Firman Allah: <sup>3</sup> يَٰٰيُّهَا الْمَدْئِرُ (١) فَمَنْ فَانِيَرَ (٢) وَرَبَّكَ فَكَبِيرٌ (٣) وَشَبَابَكَ فَطَاهِرٌ (٤)

Maksudnya: Wahai orang yang berselimut! (1) Bangunlah serta berilah peringatan dan amaran (kepada umat manusia). (2) Dan Tuhanmu, maka ucaplah dan ingatlah kebesaranNya! (3) Dan pakaianmu, maka hendaklah engkau bersihkan. (4)

Begitu juga firman Allah: <sup>4</sup>

يَٰٰيُّهَا الْمَزَمِلُ (١) فَمَنْ أَنِيلَ إِلَّا قَلِيلًا (٢) بَصَفَةً : أَوْ أَنْقُضَ مِنْهُ قَلِيلًا (٣)

Maksudnya:

Wahai orang yang berselimut!. (1) Bangunlah sembahyang Tahajud pada waktu malam, selain dari sedikit masa (yang tak dapat untuk berehat), (2) Iaitu separuh dari waktu malam atau kurangkan sedikit dari separuh itu, (3)

<sup>1</sup> Dr Arifin Mamat adalah Penolong Professor di Institut Pendidikan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

<sup>2</sup> Dr Shukeri Mohamad adalah Professor Madya di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

<sup>3</sup> al-Qur'an, al-Muddatthir 74:1-4

<sup>4</sup> al-Qur'an, al-Muzzammil 73:1

Malah solat adalah merupakan ibadat amali yang pertama diwajibkan ke atas umat Islam.<sup>5</sup> Justeru, Islam telah menganggap bahawa solat adalah satu tiang agama. Oleh itu sesiapa yang mendirikan solat maka ia telah dianggap telah menegakkan agama. Manakala orang yang mengabaikan solat dikira telah meruntuhkan agama. Jika didirikan secara tepat, ia boleh mencegah seseorang daripada perkara keji dan mungkar, seterusnya mewujudkan hubungan langsung dengan Allah.<sup>6</sup>

Mengikut ajaran Islam, segala perundangan atau perintah Allah bermatlamatkan membawa kebaikan kepada manusia.<sup>7</sup> Sebab itu tanpa agama, akan berlakulah kepincangan dalam kehidupan. Inilah hubungan secara langsung antara solat dan kehidupan. Dengan kata lain pengabaian solat akan membawa implikasi yang sangat buruk kepada aspek kesejahteraan hidup manusia, di mana individu Muslim dan masyarakat akan terperangkap dalam krisis kemaksiatan dan kemungkaran dan gejala jenayah yang merbahaya. Akhirnya mereka akan tenggelam dalam arus keruntuhan yang tidak terkawal. Oleh itu, penghayatan terhadap solat menjadi ukuran penting kepada kualiti sesebuah masyarakat atau Negara. Jika anggota masyarakat menghidupkan amalan solat samada secara individu atau jamaah di surau dan masjid, maka masyarakat tersebut dikira memiliki kualiti kehidupan yang baik dan progresif.

Untuk mencapai status yang terpuji itu, maka ilmu, kefahaman dan penghayatan mengenai solat di kalangan orang Islam amat diperlukan. Hasilnya, akan terbentuk generasi yang faqih mengenai ibadat solat. Oleh itu dalam usaha membangunkan sebuah generasi solat, aspek keilmuan, kefahaman dan penghayatan adalah amat penting. Dengan kata lain, proses tarbiah yang rapi dan tersusun hendaklah digerakkan bagi melahirkan generasi yang benar-benar menghidupkan penghayatan solat dalam setiap aspek kehidupan.

Sebagai sebuah kerajaan yang bertujuan melaksanakan tuntutan agama Islam, Kerajaan Negeri Kelantan telah menganjurkan sambutan bulan sembahyang. Ia adalah program tahunan Kerajaan Negeri Kelantan bertujuan mendidik masyarakat agar patuh dan melaksanakan kewajipan mengerjakan ibadat sembahyang. Program Bulan Sembahyang ini diperkenalkan

---

<sup>5</sup> al-Turabi, Hasan, 1983, hlm.15

<sup>6</sup> Mahmud, Abd al-Halim, t.th, hlm.6

<sup>7</sup> Ibn ‘Abd al-Salam, 2010, hlm.14

sendiri oleh YAB Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat, Menteri Besar Kelantan pada tahun 1416H bersamaan 1995M. Manakala Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEIK) adalah merupakan agensi yang bertanggungjawab merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri menjayakan Program Bulan Sembahyang ini. Diantara objektif program tersebut adalah untuk mempertingkatkan lagi tahap *makrifatullah* (mengenal Allah), keimanan dan aqidah masyarakat negeri Kelantan kepada Allah Yang Maha Esa serta mengingatiNya sepanjang masa, membina generasi yang mendirikan sembahyang serta memperkasakan ibadah sembahyang di kalangan masyarakat agar ia dapat mencegah keburukan dan kemungkaran serta dapat mengatasi segala gejala sosial dengan segala jenisnya.<sup>8</sup> Manakala kaedah dan program yang dirangka dan dilaksanakan bagi mencapai matlamat di atas adalah seperti pengajuran kursus, seminar, kempen, bengkel, forum dan penerbitan bahan bacaan.<sup>9</sup>

Apabila membincarakan persoalan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan solat, dua perkara asas perlu diberi perhatian sewajarnya, iaitu : Pertama, masyarakat Islam semua peringkat perlu didedahkan dengan ilmu mengenai solat, memahami maqasidnya dan menghayatinya dalam kehidupan. Perkara kedua ialah masyarakat juga harus akur bahawa usaha memperkasakan penghayatan solat adalah tanggungjawab bersama semua pihak. Kedua-dua aspek tersebut sebenarnya merupakan asas yang penting kepada kesejahteraan masyarakat. Justeru kertas kerja ini membincangkan keperluan melahirkan individu muslim yang faqih dalam konteks pembinaan generasi solat melalui lima dimensi sosial yang wujud dalam masyarakat iaitu individu, keluarga, masyarakat, organisasi dan pemerintah. Penanda aras atau indeks bagi setiap dimensi tersebut juga dicadangkan yang bertujuan untuk mengukur tahap pencapaian pembinaan generasi solat.

## **2. Kepentingan Solat**

Perbincangan mengenai kepentingan solat telah dibicarakan secara panjang lebar dalam buku-buku fikah Islam. Oleh itu, kertas kerja ini hanya ingin menyentuh kepentingan solat berdasarkan

---

<sup>8</sup> Shukeri Mohamad, 2007, hlm.1.

<sup>9</sup> Ibid

kepada dua aspek iaitu pertama; penggunaan perkataan yang berkaitan dengan solat dan kedua; bentuk pensyariatan solat.

### 2.1 Pemilihan perkataan dari kata dasar ‘*aqama*’.

Perkataan berkaitan dengan kewajipan menunaikan solat adalah dengan menggunakan kata kerja dasar ‘*aqama*’ yang memberi erti mendirikan. Ini berbeza dengan ibadat-ibadat lain seperti puasa yang menggunakan perkatan ‘*al-siyam*’ atau puasa itu sendiri. ‘*Aqama*’ membawa erti melakukan sesuatu secara berterusan dan dengan sempurna.<sup>10</sup> Perkataan ‘*aqama*’ ini telah digunakan oleh Allah di dalam al-Qur'an melalui pelbagai bentuk yang berbeza diantaranya ialah:

#### i- Bentuk kata kerja yang telah berlaku (*Wazan Fi'l Madhi*)

Firman Allah<sup>11</sup>: لِئِنْ أَفْتَمْ الصَّلَاةَ وَعَانِيْمُ الْرَّكْوَةَ وَعَامِنْ بِرْسُلِيْ وَعَزَّرْتُمُهُمْ وَأَقْرَصْتُمُ اللهَ قَرْضًا حَسْنًا لَا كَفَرْنَ عَنْكُمْ سَيِّئَاتِكُمْ وَلَا دُخْلَاتِكُمْ جَئِشٌ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا لَا يَبْرُرْ فَمَنْ كَفَرَ بَعْدَ ذَلِيلَ مِنْكُمْ فَقَدْ ضَلَّ سَوَاءً لَسَبِيلٍ (١٢)

Maksudnya: Demi sesungguhnya jika kamu dirikan sembahyang, serta kamu tunaikan zakat dan kamu beriman dengan segala Rasul (utusanKu) serta menolong bantu mereka (dalam menegakkan agama Allah) dan kamu pinjamkan Allah (dengan sedekah dan berbuat baik pada jalanNya) secara pinjaman yang baik (bukan kerana riak dan mencari keuntungan dunia), sudah tentu Aku akan ampunkan dosa-dosa kamu, dan Aku akan masukkan kamu ke dalam Syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai. Oleh itu, sesiapa yang kufur ingkar di antara kamu sesudah yang demikian, maka sesungguhnya sesatlah dia dari jalan yang betul. (12)

#### ii- Bentuk kata kerja yang sedang/akan berlaku (*Wazan Fi'l Mudhari'*)

Firman Allah<sup>12</sup>: إِنَّمَا وَلِيْكُمُ اللهُ وَرَسُولُهُ ، وَالَّذِينَ ظَاهِنُوا الَّذِينَ يُقْبِلُونَ الْصَّلَاةَ وَيُؤْثِنُ الْرَّكْوَةَ وَهُمْ رَأْكُونُ (٥٥)

Maksudnya: Sesungguhnya Penolong kamu hanyalah Allah dan RasulNya, serta orang-orang yang beriman, yang mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat, sedang mereka rukuk (tunduk menjunjung perintah Allah). (55)

#### iii- Bentuk kata kerja perintah (*Wazan Fi'l Amr*)

Firman Allah<sup>13</sup>: وَإِذْ أَحَدَنَا مِيقَاتِيْ بِيْ إِسْرَاعِيْلَ لَا تَعْبُدُونَ إِلَّا اللهُ وَلَا لِلَّذِينَ إِحْسَانًا وَذِي الْقُرْبَى وَالْيَتَامَى وَالْمَسَاكِينَ وَقُولُوا لِلَّذِينَ حَسْنُوا وَأَقْيُوا الْصَّلَاةَ وَعَاثُوا الْرَّكْوَةَ لَمْ تَوَلَّتُمْ إِلَّا قَلِيلًا مِنْكُمْ وَأَنْتُمْ مُغَرَّضُونَ (٨٣)

<sup>10</sup> Mas'ud, Jubran, 2003, hlm.124.

<sup>11</sup> Al-Qur'an, al-Maidah 5:12

<sup>12</sup> Al-Qur'an, al-Maidah 5:55

<sup>13</sup> Al-Qur'an, al-Baqarah 2:83

Maksudnya: Dan (ingatlah wahai Muhammad), ketika Kami mengikat perjanjian setia dengan Bani Israil (dengan berfirman): Janganlah kamu menyembah melainkan Allah dan berbuat baiklah kepada kedua ibu bapa dan kaum kerabat dan anak-anak yatim, serta orang-orang miskin dan katakanlah kepada sesama manusia perkataan-perkataan yang baik dan dirikanlah sembahyang serta berilah zakat. Kemudian kamu berpaling membelakangkan (perjanjian setia kamu itu) kecuali sebahagian kecil dari kamu; dan sememangnya kamu orang-orang yang tidak menghiraukan perjanjian setianya. (83)

iv- Bentuk kata nama terbitan (*Masdar*)

رِجَالٌ لَا تُلْهِيهِمْ بِحَرَثٍ وَلَا يَبْعَثُ عَنْ ذِكْرِ اللَّهِ وَإِقَامِ الْصَّلَاةِ إِيَّاهُمْ يَخَافُونَ يَوْمًا تَقْلُبُ فِيهِ الْقُلُوبُ :  
Firman Allah<sup>14</sup>  
وَالْأَنْصَرُ (٣٧)

Maksudnya: (Ibadat itu dikerjakan oleh) orang-orang yang kuat imannya yang tidak dilalaikan oleh perniagaan atau berjual beli daripada menyebut serta mengingati Allah dan mendirikan sembahyang serta memberi zakat; mereka takutkan hari (kiamat) yang padanya berbalik-balik hati dan pandangan. (37)

v- Bentuk kata nama pelaku (*Ism Fa 'il*)

لَكِنَ الرَّسِّحُونَ فِي الْعِلْمِ مِنْهُمْ وَالْمُؤْمِنُونَ يُؤْمِنُونَ بِمَا أُنزِلَ إِلَيْكَ وَمَا أُنزِلَ مِنْ قَبْلِكَ وَالْمُقْبِلُونَ الْصَّلَاةَ :  
Firman Allah<sup>15</sup>  
وَالْمُؤْمِنُونَ الْرَّكُوعَ وَالْمُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ أُولَئِكَ سُنُوتُهُمْ أَجْرًا عَظِيمًا (١٦٢)

Maksudnya: Tetapi orang-orang yang teguh serta mendalam ilmu pengetahuannya di antara mereka dan orang-orang yang beriman, sekaliannya beriman dengan apa yang telah diturunkan kepadamu (Al-Quran) dan kepada apa yang telah diturunkan dahulu daripadamu, khasnya orang-orang yang mendirikan sembahyang dan orang-orang yang menunaikan zakat, serta yang beriman kepada Allah dan hari akhirat; mereka itulah yang Kami akan berikan kepadanya pahala (balasan) yang amat besar. (162)

Penggunaan perkataan kata dasar ‘*aqama*’ mendirikan dan dalam bentuk yang pelbagai sudah pasti membawa makna yang cukup besar terhadap ibadat solat. Apa yang pasti, perkatan *aqama*, mendirikan membawa makna bahawa menunaikan solat memerlukan kepada pelbagai komitmen, samada komitmen individu dan juga anggota masyarakat. Ini adalah kerana solat perlu didirikan mengikut waktunya yang tertentu.

فَإِذَا قَضَيْتُمُ الْصَّلَاةَ فَلَا كُرُوا اللَّهَ قِيمًا وَقُعُودًا وَعَلَى جُنُوبِكُمْ فَإِذَا أَطْمَانْتُمْ فَاقْمِوْا الْصَّلَاةَ إِنَّ الْصَّلَاةَ كَانَتْ عَلَى  
Firman Allah<sup>16</sup>  
الْمُؤْمِنِينَ كِتَابًا مَوْفُوظًا (١٠٣)

<sup>14</sup> Al-Qur'an, al-Nur 24:37

<sup>15</sup> Al-Qur'an, al-Nisa' 4:162

<sup>16</sup> Al-Qur'an, al-Nisa' 4 :103

Maksudnya: Kemudian apabila kamu telah selesai mengerjakan sembahyang, maka hendaklah kamu menyebut dan mengingati Allah semasa kamu berdiri atau duduk dan semasa kamu berbaring. Kemudian apabila kamu telah merasa tenteram (berada dalam keadaan aman) maka dirikanlah sembahyang itu (dengan sempurna sebagaimana biasa). Sesungguhnya sembahyang itu adalah satu ketetapan yang diwajibkan atas orang-orang yang beriman, yang tertentu waktunya. (103)

Solat tidak dapat dilaksanakan tanpa lahirnya perasaan kebertanggungjawaban yang tinggi terhadap Allah dalam diri individu Muslim. Sebagaimana solat jamaah juga tidak dapat dilaksanakan tanpa kesedaran di kalangan seluruh anggota masyarakat. Justeru, komitmen pelbagai pihak diperlukan dalam proses ‘mendirikan’ solat.

Firman Allah:<sup>17</sup> وَأَسْتَعِينُوا بِالْكَبِيرِ وَالْمَلُوْقَةِ وَإِنَّا لَكَبِيرٌ إِلَّا عَلَى الْحَشِيعِينَ (٤٥)

Maksudnya:

Dan mintalah pertolongan (kepada Allah) dengan jalan sabar dan mengerjakan sembahyang dan sesungguhnya sembahyang itu amatlah berat kecuali kepada orang-orang yang khusyuk. (45)

Pada masa yang sama, ia juga menunjukkan bahawa solat adalah salah satu bentuk syiar agama. Ianya bermula dengan laungan azan dan disudahi dengan bersurainya ahli jamaah daripada tempat mendirikan solat. Oleh itu, mendirikan solat adalah satu bentuk demonstrasi yang dilakukan oleh setiap muslim sekurang-kurangnya lima kali sehari. Samada demonstrasi tersebut adalah berskala kecil iaitu apabila dilaksanakan secara individu, atau berskala sederhana apabila didirikan secara jamaah di surau /masjid atau berskala besar iaitu apabila mendirikan solat jumaat sekali dalam seminggu.

Oleh itu, ‘*aqama*’ mendirikan solat adalah ibadat yang dianjurkan oleh Islam bukan sahaja secara individu, namun ianya hendaklah didirikan secara kolektif bersama anggota masyarakat.<sup>18</sup> Solat telah dijadikan oleh Islam sebagai salah satu medium utama untuk mengumpul manusia tanpa mengira darjah, keturunan, umur dan lain-lain. Seterusnya akan lahirlah satu masyarakat yang hidup bersosial secara positif dan saling mengambil berat antara satu sama lain.

## 2.2 Perintah langsung dari Allah

<sup>17</sup> Al-Qur'an, al-Baqarah 2:45

<sup>18</sup> Lihat kesan psikologi dan sosial solat jamaah, Tabbarah, Afif Abd al-Fattah, 1985, hlm.175-178

Keagungan ibadat solat juga dapat dilihat melalui pensyariatannya. Allah Taala tidak memerintahkan perlaksanaanya melalui perantaraan Jibril. Bahkan pensyariatan solat adalah secara langsung dan tanpa perantara iaitu pada malam berlakunya peristiwa Isra' dan Mi'raj. Menurut pendapat yang sahih, peristiwa tersebut berlaku 18 bulan sebelum hijrah Nabi S.A.W ke Madinah.<sup>19</sup> Pemilihan masa tersebut memberi gambaran tentang hakikat solat. Ketika menunaikan solat, seolah-olah jiwa kita melakukan mi'raj iaitu bertemu dengan Allah S.W.T untuk menambah bekalan iman dan taqwa.<sup>20</sup>

### **3. Maqasid al-Shariah Dalam Solat**

Sememangnya telah diakui oleh para sarjana Islam bahawa setiap hukum yang ditetapkan oleh Allah SWT mempunyai matlamat atau objektif yang tersendiri. Ini adalah kerana syariah Islam secara keseluruhan adalah untuk merealisasikan *maslahah* (kebaikan), sama ada dengan cara memperolehi *maslahah* atau menghindari daripada *mafsadah* (keburukan).<sup>21</sup> Oleh itu hukum-hakam syariat diperundangkan adalah untuk kepentingan manusia seluruhnya sama ada yang berbentuk individu, kemasyarakatan, ummah dan negara.<sup>22</sup>

Maqasid al-Shariah adalah teras kepada sesuatu amalan yang diperintahkan oleh syarak. Di sebalik pensyariatan sesuatu hukum sudah tentu terdapat hikmatnya yang tersendiri, sama ada diketahui oleh manusia atau sebaliknya. Ini kerana Maha Suci Allah SWT daripada melakukan sesuatu tanpa tujuan atau bertentangan dengan hikmah untuk membawa kebaikan kepada manusia.<sup>23</sup>. Oleh itu menjadi satu keperluan kepada Muslim untuk mengenalpasti maqasid al-syariah disebalik pensyariatan solat.

Para ulama menjelaskan bahawa objektif khusus dalam bidang ibadah adalah tunduk dan patuh kepada Allah SWT. Manakala dalam bidang muamalat pula adalah berasaskan kepada

<sup>19</sup> al-Khin, Mustofa et al., 2003, hlm. 102.

<sup>20</sup> Mashur, Mustafa, t.th, hlm.13.

<sup>21</sup> Ibn Abd al-Salam, 2010, Jil.1, hlm.14.

<sup>22</sup> al-Qaradhawi, 2008, hlm. 28.

<sup>23</sup> Ibid, hlm. 21.

keperluan manusia.<sup>24</sup> Oleh kerana itu mereka menegaskan bahawa asal perkara yang berkaitan dengan ibadah adalah *al-ta‘abbud* iaitu patuh kepada Allah SWT, sebaliknya asal kepada perkara yang melibatkan muamalat adalah perlu dirujuk kepada maksud-maksud tertentu atau sejauh mana ia memenuhi keperluan manusia dan membawa kebaikan kepada mereka.<sup>25</sup> Rentetan daripada itu terdapat lima perkara utama yang dijaga oleh Islam dan dikenali dengan *al-daruriyyat*, iaitu:<sup>26</sup>

- a- menjaga agama
- b-menjaga nyawa
- c-menjaga akal
- d-menjaga keturunan
- e-menjaga harta

Lima perkara di atas dianggap maslahah asasi yang melibatkan survival manusia . Oleh itu ia mesti ditegakkan demi kelangsungan hidup mereka. Menurut al-Shatibi<sup>27</sup> ia adalah sesuatu yang mesti ada bagi tujuan menegakkan kemaslahatan agama dan dunia. Jika tidak, kemaslahatan dunia tidak boleh ditegakkan malah sebaliknya akan musnah. Begitu juga kejayaan dan nikmat akhirat tidak boleh dicapai, sebaliknya akan mengalami kerugian. Untuk lebih difahami ia diibaratkan seperti jantung bagi sistem tubuh manusia. Tanpa jantung manusia tidak boleh meneruskan kehidupan.<sup>28</sup>

Menjaga agama merupakan perkara pokok dalam merealisasikan *maslahah*. Ia bermaksud menjaga akidah setiap orang Islam daripada perkara yang boleh memesongkannya dan mempertahankan perkara –perkara *qat’i* dalam Islam daripada segala bentuk penyelewengan.<sup>29</sup>

Oleh itu, demi menjaga agama terdapat prinsip-prinsip akidah, disyariatkan perkara-perkara ibadah yang merupakan satu manIFESTASI kepatuhan manusia dalam hubungan mereka dengan Allah SWT iaitu dengan melaksanakan perintahNya dan meninggalkan segala

<sup>24</sup> Arifin Mamat, 2012, hlm. 5.

<sup>25</sup> al-Shatibi, 2006, Jil.1,hlm. 472.

<sup>26</sup> Al-Ghazali, 2010, hlm. 275.

<sup>27</sup> Al-Shatibi, 2006, Jil.1, hlm. 265.

<sup>28</sup> Arifin Mamat, 2012, hlm. 28.

<sup>29</sup> Ibn ‘Ashur, 1999, hlm.220.

larangannya. Menjaga agama boleh dilakukan dengan melaksanakan segala perintah syarak, berjuang menegakkannya, melakukan dakwah dan menentang segala bentuk penyelewengan terhadap agama.<sup>30</sup>

Mendirikan solat adalah salah satu daripada perintah Allah untuk menjaga perkara *al-darūriyyāt* iaitu menjaga agama dan sebagai tanda kepatuhan kepada perintah Allah. Oleh itu, melaksanakan perintah Allah untuk menjaga agama adalah objektif asal dalam pensyariatan sembahyang. Manakala objektif sampingan ialah untuk mencegah daripada perkara keji dan mungkar. Ia juga sebagai satu aktiviti senaman yang boleh menyihatkan tubuh badan manusia.<sup>31</sup>

Selain itu solat juga membawa berbagai-bagai unsur pendidikan. Ia merangkumi aspek pendidikan Tauhid, pendidikan jiwa dan perasaan, pendidikan etika dan disiplin, pendidikan kesihatan, pendidikan kemasyarakatan, pendidikan motivasi dan sebagainya.<sup>32</sup> Untuk merealisasikan maqasid tersebut, disyariatkan solat ke atas manusia. Ia merupakan ibadat yang paling tua disyariatkan, dimana pensyariatannya telah bermula sebelum kedatangan Nabi Muhammad S.A.W.<sup>33</sup> Allah S.W.T telah berfirman mengenai dengan nabi Ibrahim<sup>34</sup>:

رَبِّ أَجْعَلْنِي مُقْتَمِلَ الْأَصْلَوَةِ وَمِنْ ذُرْيَّتِكَ رَبِّنَا وَتَقَبَّلْ دُعَاءُ (٤٠)

Maksudnya: Wahai Tuhan! Jadikanlah daku orang yang mendirikan sembahyang dan demikianlah juga zuriat keturunanku. Wahai Tuhan kami, perkenankanlah doa permohonanku. (40)

#### **4. Kumpulan Sasaran Pembinaan Generasi Solat**

Dalam usaha membina generasi solat, terdapat lima kumpulan sasaran yang perlu diambil perhatian yang sewajarnya iaitu:

##### **4.1 Individu**

<sup>30</sup> al-Yubi, 1430 H, hlm. 188.

<sup>31</sup> Arifin Mamat, 2012, hlm.

<sup>32</sup> Shukeri Mohamad, 2007, hlm.1.

<sup>33</sup> Tabbarah, Afif Abd al-Fattah, 1985, hlm.26

<sup>34</sup> Al-Qur'an, Ibrahim 14: 40

Individu adalah unit utama dalam komposisi sesebuah masyarakat. Oleh itu pembentukan individu yang mengetahui, memahami dan menghayati solat adalah teras kepada misi melahirkan faqihan dalam membina generasi solat. Justeru, ianya perlu diberi perhatian yang serius. Pelbagai inisiatif dan metod perlu dirangka dan dilaksanakan agar lahir individu yang faqih solat. Ini adalah kerana dengan terbentuknya individu faqih solat, akan memudahkan usaha dalam melahirkan generasi solat dalam peringkat-peringkat seterusnya seperti keluarga, masyarakat, organisasi dan pemerintah.

Kumpulan ini boleh dibahagikan kepada beberapa kategori iaitu:

Pertama :Kanak-kanak berumur 5-6 tahun - Mendapat bimbingan solat di rumah atau pra sekolah

Kedua :Kanak-kanak berumur 7-12 tahun – Masih bersekolah

Ketiga: Remaja berumur 13-17 tahun dan juga 18-19 tahun – Masih bersekolah

Keempat: Remaja/Belia yang telah meninggalkan persekolahan.

Kelima: Golongan dewasa dan orang tua.

### **Program Cadangan:**

Beberapa program untuk merealisasikan misi tersebut adalah seperti berikut:

1. Memulakan asuhan pada peringkat awal (semenjak anak berumur 7 tahun).

Kursus solat diperingkat ini boleh dilaksanakan di peringkat mukim dengan kerjasama masjid serta badan-badan sukarelawan.

2. Asuhan Berterusan ( Peningkatan dan Pemantauan)

Bengkel pemantapan kualiti solat dijalankan secara berkala mengikut tahap umur tertentu. Bengkel tersebut meliputi peningkatan kualiti bacaan dan perbuatan.

3. Bimbingan Khusuk Solat

Bengkel khas untuk mengetahui maqasid solat, memahami makna bacaan dalam solat dan seterusnya menghayati ibadat solat.

### **Metode Perlaksanaan:**

Method perlaksanaan adalah seperti berikut:

1. Dijalankan secara langsung dan amali (hands on).
2. Kumpulan sasar hendaklah dipecahkan kepada beberapa kumpulan kecil.
3. Program tersebut hendaklah dibimbing oleh fasilitator yang berkelayakan.
4. Meraikan kepelbagaian metode berdasarkan kumpulan sasar dan budaya setempat.

**Jadual 1**  
**Indeks Generasi Solat-Individu**

No	Item	Skor
1	Saya mempunyai sejadah	
2	Saya mempunyai kopiah/songkok	
3	Saya mengetahui cara berwudu'	
4	Saya mengetahui cara solat	
5	Saya mengetahui makna bacaan solat	
6	Saya mengetahui mengapa saya perlu solat	
7	Saya meninggalkan kerja sekejap untuk menunaikan solat	
8	Saya menunaikan solat apabila tiba waktunya	
9	Saya menunaikan solat ketika bekerja	
10	Saya mengqada' solat jika tertinggal	
11	Saya menunaikan solat ketika sakit	
12	Saya mengelak daripada perkara maksiat	
13	Saya suka membantu orang lain	
14	Saya menjadi taudalan kepada masyarakat	

#### 4.2 Keluarga

Kumpulan ini adalah terdiri daripada ibu, bapa dan anak-anak atau individu yang hidup bersama di bawah satu bumbung . Pada kebiasaanya ketua keluarga adalah seorang bapa. Beliau adalah

bertanggungjawab untuk mengenalpasti kejayaan sesebuah keluarga, samada dari sudut material atau kerohanian. Menjadi kewajipan ke atas setiap ketua keluarga untuk memastikan ahli keluarga mereka menunaikan solat.

Firman Allah<sup>35</sup>: (١٣٢) وَأَمْرَ أَهْلَكَ بِالصَّلَاةِ وَاصْطَرِ عَلَيْهَا لَا نَسْكُ رِزْقًا تَحْنُ تَرْزُقُكَ وَالْعَقِيقَةُ لِلشَّتَوِيِّ

Maksudnya: Dan perintahkanlah keluargamu serta umatmu mengerjakan sembahyang dan hendaklah engkau tekun bersabar menunaikannya. Kami tidak meminta rezeki kepadamu, (bahkan) Kamilah yang memberi rezeki kepadamu dan (ingatlah) kesudahan yang baik adalah bagi orang-orang yang bertakwa. (132)

Dan sentiasa mendoakan mereka seisi keluarga tergolong dalam kalangan orang-orang yang mendirikan solat.

Firman Allah<sup>36</sup>: (٤٠) رَبِّ أَجْعَلَنِي مُقِيمَ الصَّلَاةِ وَمِنْ ذُرِّيَّتِ رَبِّنَا وَنَبَّلْ دُعَاءً

Maksudnya: Wahai Tuanku! Jadikanlah daku orang yang mendirikan sembahyang dan demikianlah juga zuriat keturunanku. Wahai Tuhan kami, perkenankanlah doa permohonanku. (40)

## Jadual 2

### Indeks Generasi Solat: Keluarga

No	Item	Skor
1	Ada ruang khas untuk solat di rumah	
2	Ada buku rujukan mengenai solat di rumah	
3	Ibu/bapa mengingati untuk mendirikan solat	
4	Bapa menjadi imam ketika solat di rumah	
5	Anggota keluarga saling memperingati antara satu sama lain untuk mendirikan solat	
6	Televisyen ditutup (off) apabila tiba waktu solat	
7	Semua ahli keluarga berada di rumah apabila tiba waktu maghrib	
8	Ahli keluarga saling memberi nasihat antara satu sama lain	

<sup>35</sup> Al-Qur'an, Taha 20: 132

<sup>36</sup> Al-Qur'an, Ibrahim 14:40

### 4.3 Masyarakat

Masyarakat adalah satu unit yang terhasil daripada gabungan individu dan keluarga. Setiap anggota masyarakat mempunyai peranan yang tersendiri dalam mewujudkan keharmonian dan kesejahteraan hidup sesama mereka. Pensyariatan solat untuk didirikan secara jamaah terutama solat Jumaat menunjukkan kepentingan anggota masyarakat sebagai penggerak untuk melahirkan generasi solat. Ayat-ayat perintah mengenai solat adalah dalam bentuk jamak seperti firman Allah<sup>37</sup>: ﴿يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا نُودِي لِلصَّلَاةِ فَاسْعُوا إِلَى ذِكْرِ اللَّهِ وَذَرُوا الْبَيْعَ ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ﴾ (9)

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diserukan azan (bang) untuk mengerjakan sembahyang pada hari Jumaat, maka segeralah kamu pergi (ke masjid) untuk mengingati Allah (dengan mengerjakan sembahyang jumaat) dan tinggalkanlah berjual beli (pada saat itu); yang demikian adalah baik bagi kamu, jika kamu mengetahui (hakikat yang sebenarnya), (9)

Dalam kontek menjana sebuah masyarakat solat, para pemimpin negara semua peringkat merupakan golongan yang paling utama mendokong amalan dan budaya solat sehingga mampu menjadi imam atau menyampaikan khutbah semasa solat jumaat.

**Jadual 3**  
**Indeks Generasi Solat: Masyarakat**

No	Item	Skor
1	Terdapat masjid/surau/balaisah di kawasan tempat tinggal	
2	Pihak pengurusan masjid/surau/balaisah mesra dengan masyarakat setempat	
3	Pihak pengurusan masjid/surau/balaisah mengalukan masyarakat setempat untuk menunaikan solat	
4	Terdapat program berkaitan dengan solat	

<sup>37</sup> al-Qur'an, al-Jumuah 62:9

	dijalankan di kawasan tempat tinggal	
5	Melakukan ziarah dari rumah ke rumah untuk mengajak masyarakat terlibat dengan aktiviti masjid/surau/balaisah	
6	Mengajak jiran untuk sama-sama menunaikan solat di kawasan tempat tinggal	

#### 4.4 Organisasi

Organisasi adalah satu badan yang ditubuhkan oleh orang perseorangan atau kumpulan tertentu untuk mencapai sesuatu matlamat. Ia mungkin organisasi yang ditubuhkan oleh pihak pemerintah atau dikenali dengan badan-badan kerajaan atau ditubuhkan oleh pihak persendirian atau dikenali dengan badan-badan swasta. Setiap organisasi mempunyai visi dan misi yang tertentu. Ia juga bergerak melalui struktur yang tertentu. Pembinaan generasi solat juga dapat dikenalpasti melalui kewujudan sesebuah organisasi yang prihatin terhadap perintah Allah.

**Jadual 4**

**Indeks Generasi Solat: Organisasi**

No	Item	Skor
1	Terdapat ruang khas untuk solat di tempat kerja	
2	Pekerja diberi masa tertentu untuk solat	
3	Program berkaitan solat diadakan	
4	Mesyuarat yang diadakan mengambil kira waktu solat	
5	Program yang dianjurkan mengambil kira waktu solat	
6	Solat didirikan secara berjamaah di tempat kerja	
7	Kriteria pengambilan pekerja mengambil	

	kira tahap kefahaman mereka terhadap solat (penilaian secara bertulis)	
8	Kriteria pengambilan pekerja mengambil kira tahap bacaan solat mereka (temuduga)	
9	Kriteria kenaikan pangkat mengambil kira tahap kualiti pekerja melaksanakan solat (amali)	
10	Pekerja yang dedikasi terhadap tugas	

#### 4.5 Pemerintah/Pihak Berkuasa

Pemerintah ialah pihak yang mempunyai bidang kuasa untuk merangka undang-undang dan menguatkuasakannya ke atas masyarakat. Perlu dicatatkan di sini bahawa pada kurun ke 17 telah terdapat undang-undang di Negeri Kedah yang memberi kuasa kepada pihak pemerintah untuk bertindak ke atas orang yang tidak menunaikan solat. Undang-undang Tembera Dato' Sri Paduka Tuan (1667) telah memberi kuasa kepada penghulu untuk menjaga hal-hal agama Islam masyarakat setempat. Dalam hal ini, penghulu dikehendaki mengarahkan seluruh penduduk kampung agar mengerjakan solat lima waktu, berpuasa di bulan Ramadhan dan solat Jumaat. Sesiapa yang ingkar hendaklah dibawa ke masjid dan dihukum dengan meletakkan telur kuning di sekeliling lehernya.<sup>38</sup> Manakala di Negeri Kelantan juga, di sekitar tahun 1900 terdapat undang-undang dan hukuman ke atas orang Islam yang tidak hadir solat Jumaat secara sengaja tanpa keuzuran syarie.<sup>39</sup>

Kerajaan Kelantan sendiri telah mengambil inisiatif menggerakkan program kursus membina generasi solat sejak beberapa tahun yang lepas.<sup>40</sup> Bagi tahun 2012, kerajaan Kelantan telah berjaya melatih lebih dari 7,000 peserta kanak-kanak dan remaja melalui program

<sup>38</sup> Zaini Nasohah, 2004, hlm.9.

<sup>39</sup> Ibid, hlm.15.

<sup>40</sup> Program Membina Generasi Solat (MGS) merupakan sebahagian daripada cadangan yang diberikan melalui Kertas Kerja yang dibentang oleh Dr. Shukeri Mohamad dalam seminar Memperkasakan Pendidikan Solat pada tahun 2007 di Balai Islam Kelantan, anjuran Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEIK).

Membina Generasi Solat (MGS) yang berpusat di masjid-masjid seluruh negeri Kelantan, seperti yang ditunjukkan dalam laporan di bawah.<sup>41</sup>

**LAPORAN PROGRAM MGS NEGERI KELANTAN  
BAGI TAHUN 1433 HIJRAH BERSAMAAN 2012 MASIHI.**

<b>JAJAHAN</b>	<b>TARIKH</b>		<b>KEKERAPAN MINGGUAN</b>	<b>KEKERAPAN KELAS</b>	<b>BILANGAN MASJID</b>	<b>JUMLAH PELAJAR</b>
	<b>BERMULA</b>	<b>TAMAT</b>				
KOTA BHARU	MEI 2012	SEPTEMBER 2012	SETIAP MINGGU	JUMAAT & SABTU	24	780
BACHOK	05 MEI 2012	14 JULAI 2012	SETIAP MINGGU	JUMAAT & SABTU	18	392
PASIR PUTEH	07 JULAI 2012	14 JULAI 2012	2 KALI (BENGKEL)	2 SIRI	24	720
KUALA KRAI	27/28 JULAI 2012	19/20 OKTOBER 2012	SETIAP MINGGU	JUMAAT & SABTU	5	150
MACHANG	15 JUN 2012	14 JULAI 2012	SETIAP MINGGU	JUMAAT & SABTU	30	1022
GUA MUSANG	MEI 2012	SEPTEMBER 2012	SETIAP MINGGU	JUMAAT & SABTU	27	924
TANAH MERAH	20 APRIL 2012	SEPTEMBER	SETIAP MINGGU	JUMAAT & SABTU	24	720
TUMPAT	4/5 MEI 2012	13/14 JULAI 2012	SETIAP MINGGU	JUMAAT & SABTU	20	928
JELI	APRIL 2012	SEPTEMBER 2012	SETIAP MINGGU	JUMAAT & SABTU	22	750
PASIR MAS			SETIAP MINGGU	JUMAAT & SABTU	24	990
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>					<b>218</b>	<b>7,376</b>

<sup>41</sup> Lihat laporan JAHEIK, (2012).

**Jadual 5**  
**Indeks Generasi Solat: Pemerintah**

No	Item	Skor
1	Belanjawan khas untuk program berkaitan dengan solat	
2	Akta/Enakmen berkaitan dengan solat	
3	Akta/Enakmen/Undang-undang kecil yang mewajibkan pembinaan masjid/surau bagi setiap kawasan perumahan	
4	Perlantikan pemimpin masyarakat di kalangan orang yang benar-benar mendirikan solat	
5	Inisiatif kewangan kepada pihak NGO yang mengendalikan program berkaitan solat secara sukarela	
6	Pelancaran program kerajaan dilakukan di masjid	
7	Pemimpin masyarakat menjaga solat dan menghayatinya	
8	Pemimpin masyarakat menjadi imam solat dan solat jumaat.	

## 5. Masjid Sebagai Pusat Sehenti (One Stop Centre)

Untuk merealisasikan pembinaan generasi solat, peranan masjid perlu diperkasakan. Masjid bukan sahaja sebagai tempat menunaikan ibadat solat semata-mata, bahkan peranannya hendaklah diperluaskan sebagai Pusat Sehenti (One Stop Centre) kepada sesuatu komuniti atau mukim tertentu. Justeru, pelbagai kemudahan atau prasarana yang berkaitan perlu disalurkan kepada masjid. Contohnya; mewujudkan perpustakaan dengan kemudahan wi fi yang berperanan sebagai pusat sumber kepada masyarakat setempat untuk menambah ilmu pengetahuan. Aktiviti sukan juga boleh bermula dari masjid. Penubuhan kelab-kelab bolasepak dengan inisiatif masjid boleh mendorong para belia mengimarahkan masjid disamping bersukan. Seterusnya lahir ‘mosque based society’ masyarakat berpaksikan masjid di Negeri Kelantan.

## 6. Penutup

Gagasan melahirkan generasi solat merupakan satu tanggungjawab besar yang perlu dipikul oleh semua pihak. Generasi solat akan terbentuk melalui pembentukan individu, keluarga, masyarakat, organisasi dan pemerintah yang mengetahui, memahami dan menghayati ibadah solat. Dengan mengakui kepentingan solat dan impaknya yang cukup besar dalam membina generasi bertaqwah dan produktif, maka metode berkesan perlu diselidik dan dilaksanakan secara berterusan. Justeru, semua pihak sewajarnya melakukan refleksi kendiri berdasarkan penanda aras/indeks yang dikemukakan. Ianya bertujuan mengenalpasti tahap pencapaian yang telah diperolehi. Seterusnya mengambil inisiatif baru untuk merealisasikan indeks yang belum dicapai. Diharapkan dengan adanya kesedaran dari semua pihak, akan terlaksanalah cita-cita murni untuk melahirkan generasi solat di negeri Kelantan Darul Naim.

## Rujukan

- al-'Amiri, Ahmad. (1997). *al-Ab'ad al-Tarbawiyah li al-Salat*. Rabat: ISESCO.
- Arifin Mamat. (2012). Aplikasi Maqasid al-Shariah Dalam Mu'amalat: Satu Kajian Terhadap 'Fatwa Masa Kini' Yusuf al-Qaradawi. Latihan Ilmiah Sarjana Muda Pengajian Islam (Syariah), UKM.
- al-Ghazali, Abu Hamid. 2010. *al-Mustasfa Min 'Ilm al-Usul*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn 'Abd al-Salam, 'Iz al-Din 'Abd al-'Aziz. 2010. *al-Qawa'id al-Kubra al-Mausum bi Qawa'id al-Ahkam fi Islah al-Anam*. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Ibn 'Ashur, Muhammad Tahir. 1999. *Maqasid al-Shari'ah al-Islamiyyah*. Amman: Dar al-Nafais.
- JAHEIK, (2012).
- al-Khin, Mustafa, al-Bugha, Mustafa dan al-Sharbaji, 'Ali. 2003. *al-Fiqh al-Manhaji ala Mazhab al-Imam al-Shafie*. Damsyiq: Dar al-Qalam.
- Mahmud, Abd al-Halim. (t.th.). *al-Salat: Asrar wa Ahkam*. Kaherah: Dar al-Ma'arif.

Mashur, Mustafa. (t.th.). *al-Hayat fī Mihrab al-Salat*. t.tp: Dar al-Tauzi' wa al-Nashr al-Islamiyyah.

Mas'ud, Jubran. (2003). *al-Raid*. Beirut: Dar al-'Ilm li al-Malayin.

al-Qaradawi, Yusuf. (2008). *Dirasah fī Maqasid al-Shari'ah*. Kaherah: Dar al-Shuruq.

al-Shatibi, Abu Ishak. 2006. *al-Muwafaqat fī Usul al-Shari'ah*. Kaherah: Dar al-Hadith.

Shukeri Mohamad. (2007). Memperkasakan Penghayatan Solat Melalui Gerakan Pendidikan di Negeri Kelantan. Kertas kerja dibentang dalam Seminar Memperkasakan Solat, Anjuran Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan, di Balai Islam, Kelantan.

Tabbarah, Affif Abd al-Fattah. (1985). *Ruh al-Salat Fi al-Islam*. Beirut: Dar al-Ilm li al-Malayin.

al-Turabi, Hasan. (1983). *al-Salat 'Imad al-Din*. Kuwait: Dar al-Qalam.

al-Yubi, Muhammad Sa'd Ibn Mas'ud. 1430H. *Maqasid al-Shari'ah al-Islamiyyah wa 'alaqatuha bi al-adillah al-shar'iyyah*. Dar Ibn al-Jawz: Riyadh.

Zaini Nasohah. 2012. *Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia: Peruntukan Akta dan Enakmen*. Bangi: Jabatan Syariah, UKM.